

03 JUN 2000

Mahathir-Adil

KERAJAAN TERUS AMALKAN PENTADBIRAN ADIL, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan terus mengamalkan pentadbiran yang adil dan sistem pemerintahan yang demokratik dengan rakyat diberi kebebasan bersuara asalkan mereka tidak mencabul hak demokratik orang lain.

Katanya, suara majoriti rakyat akan didaulatkan walaupun suara minoriti boleh diutarakan.

"Hak asasi bukan untuk bertindak ganas. Tidak akan ada sesiapa yang dikecualikan daripada tindakan undang-undang," katanya dalam ucapan tahniah dan ikrar taat setia pada majlis menghadap dan istiadat pengurniaan darjah kebesaran sempena ulang tahun Hari Keputeraan rasmi Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan tentukan negara tidak tunduk kepada mana-mana kuasa asing tetapi sebaliknya mempertahankan kebebasan negara ini.

Dasar luar negara akan mencerminkan pegangan Malaysia kepada keadilan dalam hubungan antarabangsa dan akan menentang segala ketidakadilan yang dilakukan oleh sesiapa sahaja, kata beliau.

"Rushuhan tidak akan mempengaruhi dasar-dasar kerajaan," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus membangunkan ekonomi negara seberapa pantas yang mungkin dan ini dapat dilihat apabila pada tahun lepas ekonomi negara tumbuh pada paras 5.6 peratus walaupun ramalan kerajaan hanyalah satu peratus.

Katanya, pertumbuhan itu membawa banyak kebaikan apabila semua industri dan perniagaan dapat dipulihkan dengan pendekatan yang digunakan oleh Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC).

Segala projek kerajaan yang ditangguhkan kerana kegawatan ekonomi sudah dihidupkan semula dan telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, kata beliau.

Dr Mahathir berkata dagangan negara juga mencatat pertumbuhan yang tinggi dengan lebih imbalan bayaran meningkat kepada RM72 bilion pada 1999.

Bagi tahun ini, katanya, dijangkakan pertumbuhan ekonomi akan mencatat 5.8 peratus.

Beliau berkata kehidupan rakyat sekarang lebih sempurna apabila pengangguran hampir tidak ada.

Katanya, kakitangan kerajaan menikmati kenaikan gaji 10 peratus, ada cadangan untuk membayar gaji bulanan kepada pekerja ladang dan pelbagai dana disediakan oleh kerajaan untuk membantu dan membiayai aktiviti dagangan, pelajaran dan usaha-usaha lain oleh rakyat.

Dr Mahathir berkata sempena ulang tahun keputeraan Seri Paduka, jemaah menteri dan semua anggota kerajaan memberi jaminan bahawa segala kerjasama dan sokongan akan diberikan kepada Seri Paduka dalam menjalankan tugas sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong selaras dengan prinsip-prinsip dan keperluan sistem Raja Berperlembagaan.

"Kerajaan yakin di bawah naungan Tuanku, Malaysia akan terus stabil, maju, makmur dan sejahtera dalam abad dan alaf baru ini," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata kerajaan, pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam dan rakyat dengan penuh hormat dan takzimnya menyampaikan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Tuanku sebagai Raja yang memerintah dan juga kepada Raja Permaisuri Agong.

-- BERNAMA

NZ ES AKD